

Konsert Mega *Pancaindera* 'hidupkan' malam UMS

UM 16.5.2016 5

KOTA KINABALU 15 Mei - Keadaan padang yang basah bukan penghalang bagi 1,000 pengunjung datang menyaksikan Konsert Mega *Pancaindera* yang berlangsung di Padang Kawad, Universiti Malaysia Sabah (UMS) malam semalam.

Tidak mahu terlepas menonton secara dekat artis kesayangan mereka, rata-rata pengunjung datang ke padang kawad itu seawal pulak 7.30 malam.

Konsert Mega *Pancaindera* yang diadakan sempena Festival Hari Guru (FHG) 2016 itu menampilkan artis-artis terkenal tanah air.

Mereka ialah Ifa Raziah, Felix Agus, Adira, Syamel, Ella dan Amy Search.

Malah, persembahan memukau penari daripada kumpulan Duta Budaya Unitar Kampus Induk berjaya membuka tirai persembahan konsert tersebut dengan penuh keremahan.

Ratu dangdut, Ifa Raziah menghidupkan malam konsert dengan persembahan lagu dangdut dan diikuti persembahan bekas Naib Juara Akademi Fantasia musim ketiga, Felix Agus.

Sorakan bergema apabila penyanyi kelahiran Sabah, Adira tampil mendendangkan tiga buah lagu popular beliau iaitu *Hilang*, *Ilusi* serta *Ku Ada Kamu*.

Penyanyi baharu yang juga pemenang Naib Juara AF 2015, Sya-



PENYANYI Adira menampilkan gaya tersendiri ketika menghiburkan peminatnya.

mel nyata tidak pernah gagal menghiburkan penonton apabila menyanyikan single pertama beliau, *Hidup Dalam Mati* dan diikuti lagu lama bertajuk *Kamelia*.

Konsert Mega *Pancaindera* dihangatkan dengan kemunculan ratu rock, Ella yang mendendangkan lagu popular beliau antaranya, *Layar Impian* dan *Dua Insan Bercinta*.

Seperti diduga, kemunculan penyanyi Amy yang menyanyikan lagu *Isabella*, *Kerja Gila* dan *Rozanna* mendapat jeritan serta tepukan gemuruh daripada penonton yang hadir pada malam tersebut.



IKON rock tanah air, Amy Search menunjukkan aksi bertenaga.



CELOTEH Ifa Raziah berjaya menghiburkan ratusan peminatnya yang hadir untuk menyaksikan Konsert Mega *Pancaindera* di Padang Kawad, Universiti Malaysia Sabah.